



KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF IMMIGRATION, MALAYSIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
(IMMIGRATION DEPARTMENT MALAYSIA)
NO. 15, TINGKAT 1-7 (PODIUM)
15, 7TH FLOOR (PODIUM)
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
PERSIARAN PERDANA, PRECINT 2,
62550 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
FEDERAL TERRITORY, MALAYSIA



Telefon : 603-8880 1005
Faks : 603-8880 1201
Portal Rasmi : www.imi.gov.my

"KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Ruj: IM.101/HQ-H/969/9 Jld.4 (48)

Tarikh: 19 Mac 2020

24 Rejab 1441H

Semua Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat

Semua Pengarah Imigresen Negeri

Pengarah Imigresen KLIA

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

TATACARA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI PINTU MASUK DARAT DAN LAUT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menteri Kanan dan Menteri-Menteri Berkaitan pada 18 Mac 2020, semua pintu masuk dipohon untuk mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

- 2.1 Semua pemandu termasuk kelindan yang memandu kenderaan berat untuk tujuan membawa barangan komersil adalah dibenarkan keluar dan masuk serta dikehendaki menjalani saringan kesihatan.



IMMIGRATION KLIA
WORLD'S BEST
IMMIGRATION SERVICE
2010, 2011, 2013



**ANUGERAH AGENSI SEKTOR
AWAM TERBAIK MIM 2013**

SULIT

- 2.2 Bagi Kapal Persiaran yang berdaftar di Malaysia adalah dibenarkan berlabuh. Dalam hal ini, penumpang dan anak kapal warganegara asing tidak dibenarkan untuk turun daripada kapal.
- 2.3 Semua aktiviti pemunggahan dan pergerakan barang bagi kapal kargo dibenarkan berjalan seperti biasa dan tidak terhad kepada *essential items* sahaja. Hanya warganegara Malaysia dibenarkan untuk melakukan kerja-kerja pemunggahan di luar kapal dan kawasan pelabuhan.
- 2.4 Semua anak kapal warganegara asing boleh dikeluarkan Notis Penolakan Masuk secara berkelompok sepanjang tempoh kawalan ini. Sehubungan itu, pemberian *landing pass* seperti mana para 4.3.6 dalam surat Pelaksanaan Kawalan Pergerakan rujukan 101/HQ-H/969/9 Jld.4 (45) adalah dibatalkan.
- 2.5 Anak kapal warganegara asing tidak dibenarkan turun dari kapal dan keluar dari kawasan pelabuhan (*shore leave* tidak dibenarkan).
- 2.6 Anak kapal warganegara asing tidak dibenarkan *sign on / sign off* manakala anak kapal Warganegara Malaysia dibenarkan untuk *sign off* sahaja.
- 2.7 Mana-mana pemilik, pencarter atau ejen vessel yang melanggar arahan ini akan diambil tindakan perundangan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155)

SULIT

3. Arahan terkini ini **berkuat kuasa serta-merta pada tarikh ia dikeluarkan** dan sebarang perubahan berkaitan arahan ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Semua pertanyaan dan kemusykilan berkenaan perkara ini boleh merujuk kepada **Bahagian Keselamatan dan Pasport**.

4. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“INTEGRITI PROFESIONAL MESRA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' INDERA KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD)
Ketua Pengarah Imigresen
MALAYSIA

s.k:

- i) Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran, Kerajaan Persekutuan,
62546 PUTRAJAYA
- ii) YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Kawalan)
- iii) YBrs. Tuan Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Operasi)
- iv) YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Pengurusan)
- v) Semua Atase Imigresen
- vi) Semua Pintu Masuk

SULIT